



SUKARELAWAN SUKSIS dan RELASIS yang membantu membersihkan Sekolah Kebangsaan Temai.

Biar jauh tetap bantu

■ **Misi pascabanjir sukarelawan UTHM fokus kerja pengasingan, agih bantuan**

Oleh **Hafidzul Hilmi Mohd Noor**
hafidzul@hmetro.com.my
Batu Pahat

Usaha membantu mangsa dalam misi pembersihan pasca-banjir membabitkan sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan terus dilaksanakan walaupun lokasi kejadian berada jauh di pantai timur. Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM Shafry



SUKARELAWAN membersihkan Sekolah Kebangsaan Temai.

Salim berkata, seramai 80 sukarelawan terdiri pelajar Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) bersama Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (SUKSIS) menjadi kumpulan terbaru menjayakan misi berkenaan.

Menurutnya, kerja pembersihan ditumpukan di Pekan, Pahang bermula 16 hingga 18 Januari lalu.

“Misi itu memfokuskan kerja pengasingan dan pengagihan barang bantuan serta pembersihan kawasan sekolah, masjid dan klinik di daerah itu yang rosak teruk akibat banjir.

“Ia turut disertai anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Pekan bagi membersihkan lokasi seperti Sekolah Kebangsaan (SK) Te-

mai, Masjid Jamek Mukim Temai dan Klinik Desa Kampung Temai Tengah,” katanya, semalam.

Katanya lagi, pasukan sukarelawan itu turut memberi khidmat nasihat kepada mangsa bagi meringankan beban mereka.

Sementara itu, Guru Besar SK Temai Mohd Imeran Ibrahim berkata, pihaknya menghargai peranan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta yang turun membantu sehingga sekolah itu boleh memulakan sesi persekolahan seperti biasa mengikut jadual ditetapkan.

“Kami berterima kasih kepada pelbagai pihak yang membantu membersihkan kawasan sekolah, dengan kehadiran tenaga muda daripada universiti ini dapat membantu kami membersihkan sekolah ini,” katanya